

**Tarikh Dibaca: 20 OKT 2023M | 05 RABI'UL AKHIR 1445H**



**ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“MENJADI UMAT TERBAIK”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

## “MENJADI UMAT TERBAIK”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ  
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

<sup>1</sup> ali- Imran : 110.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah bertajuk  
**"MENJADI UMAT TERBAIK."**

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**

Umat yang terbaik adalah umat yang mempunyai dua sifat utama iaitu umat yang mengajak kepada kebaikan serta mencegah daripada kemungkaran malah hati sentiasa tunduk dan beriman kepada Allah SWT. Tidak dinafikan umat dan generasi yang terbaik adalah generasi yang berada pada zaman Rasulullah SAW. Hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

*"Sebaik-baik manusia ialah pada generasiku, kemudian generasi berikutnya, kemudian generasi berikutnya."*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Selari dengan arus pemodenan semasa, ciri umat terbaik adalah umat yang berintegriti, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan berkasih sayang. Sifat ini boleh diterjemahkan melalui keperibadian dan tingkah laku dalam amalan kehidupan seharian. Amalan ini perlu diperluaskan dalam kerangka kehidupan manusia merangkumi kebajikan rakyat berbilang kaum, pembelaan golongan wanita, kanak-kanak, warga emas, golongan fakir dan miskin, anak yatim, mualaf, orang kelainan upaya (OKU), para pesakit dan gelandangan. Ini bermaksud, umat yang terbina tanpa mengira kaum dan agama perlu bersama-sama berganding bahu menjaga keharmonian dan membangunkan negara. Disamping itu, bagi merealisasikan momentum umat terbaik tercapai kita perlu menerapkan beberapa kriteria dalam masyarakat, komuniti dan institusi yang merangkumi aspek aman, harmoni, mesra, santuni, alami, hormat dan berkasih sayang antaranya:

1. Jauhi sebarang bentuk fitnah dan penyebaran maklumat palsu. Sejak akhir-akhir ini penyebaran fitnah dan maklumat palsu dilihat menjadi trend dan kebiasaan dalam masyarakat. Senario buruk ini berkembang dengan pantas seiring dengan kecanggihan perkembangan teknologi maklumat dalam dunia tiada sempadan. Situasi ini amat membimbangkan kerana penyebaran fitnah dan maklumat palsu boleh mengancam keselamatan dan keharmonian masyarakat serta negara.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam ayat 10-11:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

*"Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya). Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)."*

2. Hindarkan diri daripada persepsi dan tanggapan negatif dengan mencetuskan sentimen fanatik perkauman, hasutan, penghinaan serta unsur-unsur yang bercanggah dengan nilai Islam. Pupuklah nilai perdamaian dalam hubungan sesama manusia dengan tujuan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain ibarat bukit sama didaki lurah sama dituruni. Ini dapat dilihat, ketika kedatangan risalah Islam di Mekah, Rasulullah SAW telah mendukung dan memartabatkan hak-hak umat di Mekah dan Madinah sehingga berjaya membebaskan musyrikin Mekah daripada kezaliman dan kegelapan jahiliyyah kepada cahaya keadilan Islam, jauh dari sifat fanatik, malah mendamaikan puak-puak yang bermusuhan serta mempamerkan keindahan Islam. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang menganjurkan sifat rahmah dan kasih sayang antara sesama insan sebagaimana hadis riwayat daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

## يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مُّهِدَاةٌ

*"Wahai Manusia! Sesungguhnya aku ialah rahmat yang dihadihkan kepada kamu."*

*(Riwayat al-Hakim).*

3. Momentum umat terbaik perlu konsisten menyeru manusia beriman ke arah melakukan kebaikan dan menjauhi perbuatan mungkar. Sebagai umat pilihan, pamerkanlah contoh teladan terbaik kepada bangsa dan penganut lain dengan akhlak mulia supaya Islam dan umat Islam itu disanjung dan dihormati. Sentiasalah menjaga izzah umat dan agama Islam kerana ianya akan menjadi penentu kepada kejayaan sebuah tamadun atau negara. Allah SWT berfirman dalam surah al-Munafiqun ayat 8:

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

*"Mereka berkata lagi: "Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang-orang yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang yang hina lagi lemah (pihak Islam)". Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang-orang yang beriman; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."*

4. Umat terbaik perlu bersama-sama menggembelng tenaga tanpa prejudis atau sebarang konspirasi demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian. Negara tidak akan berdaya saing dan maju ke hadapan sekiranya kita masih terbelenggu dengan tabiat 'tidak kisah' dan 'tidak ambil peduli' terhadap isu-isu yang melibatkan kepentingan negara. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104:



وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

*"Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada perkara yang makruf, dan mencegah daripada perkara yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung."*

**Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Dalam membina momentum umat terbaik mulakan langkah menyantuni masyarakat tanpa mengira kaum dan agama dalam aspek kebersamaan dengan penekanan elemen keharmonian, toleransi dan perpaduan. Dalam hubungan masyarakat majmuk, Rasulullah istiqamah berlaku adil dengan non-Muslim. Baginda mempamerkan nilai kemanusiaan yang tinggi dalam aspek interaksi sosial. Ini menunjukkan Islam meletakkan penghormatan yang mulia dan tinggi kepada manusia tanpa mengira warna kulit, jantina, keturunan atau bangsa seseorang itu. Ketika Asma' Radiallahuanha didatangi oleh ibunya yang masih belum beriman Rasulullah berpesan kepada Asma' supaya melayani ibunya dengan baik. Malah, apabila delegasi Kristian Najran datang ingin berdialog dengan Rasulullah mereka dilayan dengan penuh hormat. Namun begitu, dalam menerapkan nilai umat terbaik, Rasulullah juga meletakkan sempadan yang jelas apabila melibatkan soal akidah dan kesucian agama Islam. Umat yang terbaik perlulah menjauhi sifat sombong dan takabbur agar terbina minda dan jiwa yang positif hingga membentuk umat yang berakhlak mulia kesan menjiwai agama yang luhur.

Sifat ini amat penting, selaras dengan prinsip toleransi yang diamalkan dalam masyarakat di negara kita. Saling menghormati pegangan agama masing-masing untuk mencapai keharmonian antara kaum. Yang penting, setiap orang Islam dan bukan Islam haruslah memahami dasar-dasar toleransi Islam dan dasar-dasar hidup bersama di antara pelbagai kaum dan

agama. Ini kerana Islam bukan agama berasaskan paksaan ataupun agama yang menekan sesuatu golongan tertentu kerana dalam sejarah Islam, tidak ada satu pun peristiwa yang menunjukkan bahawa Islam memaksa atau menekan golongan bukan Islam. Sebagai contoh, sikap toleransi ini telah dijelmakan oleh masyarakat Muslim dan Non-Muslim di Malaysia dalam amalan rumah terbuka ketika berhari raya untuk mencapai perpaduan antara kaum.

### Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama hayati pengajaran berikut:

1. Umat Islam hendaklah menjadi umat yang terbaik dengan beriman kepada Allah SWT dan mentaati Rasulullah SAW.
2. Umat Islam yang tidak mencegah kemungkaran dengan cara yang baik akan menjadi hina disisi Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah segera melakukan kebaikan dan amal-amal soleh supaya menjadi umat yang terbaik dan berjaya di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

*"Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh."*

*(Ali Imran : 114.).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا  
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاهْلِكَ  
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ  
الْحَجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكُّوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْضَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi



berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ،  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْأَحَدُ  
الصَّمَدُ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي  
فِلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ  
شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ  
عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ  
وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ  
فِي فِلَسْطِينَ. 2X

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengan kuasa-Mu Ya Allah, jadikanlah sebab perjuangan dan doa kami semua, kau kembalikan tanah mereka yang dirampas. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-

pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Binalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.